

NO SOALAN : 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG
(SIBUTI)**

**TARIKH : 02.04.18
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah aset-aset pertahanan negara terlindung daripada serangan siber daripada pihak luar dan adakah pihak Kementerian mempunyai keupayaan menangani serangan siber.

3

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan melalui inisiatif pertahanan siber di peringkat Kementerian Pertahanan dan ATM telah menubuhkan *Cyber Defence Operation Centre* (CDOC) pada Oktober 2016 yang bertujuan melaksanakan operasi melindungi sistem dan rangkaian ICT Kementerian Pertahanan dan ATM serta mengesan dan menangkis sebarang bentuk ancaman ke atas sistem berkenaan. Pusat operasi ini juga merupakan *one-stop center* bagi mengendalikan mitigasi terhadap kes-kes insiden keselamatan siber yang dikesan serta memastikan objektif sistem maklumat iaitu kerahsiaan (*confidentiality*), integriti (*integrity*) dan ketersediaan (*availability*) dicapai.

CDOC ATM berkemampuan untuk memantau secara berterusan terhadap ancaman siber ke atas rangkaian Kementerian Pertahanan dan ATM. Sistem pemantauan ini mampu memberi amaran awal terhadap kemungkinan serangan dan seterusnya tindakan pencegahan awal dapat dilaksanakan.

Aset-aset pertahanan negara berteknologi tinggi yang digunakan oleh ATM secara asasnya dirangkaikan dengan rangkaian dan sistem yang dipantau oleh CDOC. Ini bagi memastikan ruang siber ATM dan Kementerian Pertahanan sentiasa selamat dan dilindungi daripada sebarang anasir-anasir yang mencabar kedaulatan negara.